

MAHATHIR-PEMBANGUNAN

1979

KUCHING, 18 MAC (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MEMBERI PERHATIAN SERIOUS KE ARAH MEMAJUKAN SEPENUHNYA KEUPAYAAN SARAWAK MENJADI SUMBER UTAMA BEKALAN ELEKTRIK HAIDERO KE SELURUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DI SINI HARI INI SEBUAH FIRMA PERUNDING JERMAN

TELAH DIMINTA MENGAJAI KESESUAIAN PROJEK BERKENAAN.

BELIAU XEMPERITAHU PARA PEMBERITA DI SINI SE377.

BERLEPAS KE KUALA LUMPUR BAHAWA JIKA KEUPAYAAN PEMBEKALAN TENAGA ELEKTRIK HAIDERO YANG TERDAPAT DI SARAWAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA, IA MAMPU MENAMPUNG KEPERLUAN SELURUH JEPUN.

+MASALAHNYA IALAH BAGAIMANA HENDAK MENYAMBUNGAN TENAGA ITU KE SEMENANJUNG MALAYSIA, + KATANYA. -- 234'-27, \$ 1313/1B

££

P520:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 KUCHING

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TERPAKSA Mencari sumber tenaga yang lain memandangkan kenaikan harga minyak.

Oleh kerana tidak ada tanda-tanda bahawa harga minyak akan turun, ini bermakna harga bekalan kuasa elektrik juga akan meningkat, katanya.

-8-07, memandangkan kerajaan menganggap elektrik sebagai satu bahan keperluan rakyat dan bukan barang mewah, ia berazam memajukan sepenuhnya keupayaan Sarawak di bidang pembekalan tenaga elektrik haidero. -- BERSAMBUNG 1315/1B

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 KUCHING

KETIKA DI SINI SELAMA TIGA HARI, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBERI TAKLIMAT MENGENAI BERBAGAI PROJEK PEMBANGUNAN YANG SEDANG DIJALANKAN DI NEGERI INI TERMASUK PROJEK LNG DI BINTULU DI BAHAGIAN KEEMPAT.

KATANYA BELIAU TIDAK NAMPAK BANYAK MASALAH MENGENAI KEPERLUAN BURUH DAN TENAGARAKYAT BAGI PROJEK LNG DAN JUGA PROJEK-PROJEK LAIN DI BAHAGIAN ITU.

INI IALAH KERANA SOAL LATIHAN PENDUDUK TEMPATAN DALAM BERBAGAI BIDANG SEDANG DIBERI PERHATIAN.

BELIAU MERASA SEBAHAGIAN KECIL SAJA TENAGA BURUH ASING PERLU DIIMPORT SEMENTARA YANG LAIN BOLEH DIBAWA DARI SEMENANJUNG MALAYSIA ATAU SABAH. -- BERSAMBUNG 1424/A1

££

P528:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 4 KUCHING

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH TELAH DIHANTAR PULANG OLEH BERATUS-BERATUS ORANG TERMASUK MENTERI-MENTERI NEGERI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KERAJAAN TERMASUK ISTERI-ISTERI MASING-MASING.

KETUA MENTERI SARAWAK DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB DAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR, TAN SRI ONG KEE HUI BERLEPAS DALAM KAPALTERBANG YANG SAMA KE KUALA LUMPUR. -- BERNAMA 1426/A1